

12 OCT 1996

LEAD Kamil-Utusan

AHMAD KAMIL KINI PIKUL TUGAS DIPLOMATIK YANG BERBEZA

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar, yang kini menjadi Utusan Khas kepada Perdana Menteri berkata, tanggungjawab utama beliau ialah untuk menangani isu-isu yang tidak dikendalikan menerusi kaedah diplomasi biasa.

"Saya gembira kerana diberikan kepercayaan oleh Perdana Menteri. Saya akan menyambung beberapa tugas yang saya kendalikan sebelum ini," katanya kepada Bernama selepas perlantikan beliau sebagai utusan khas diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan penggulungannya pada perhimpunan agung Umno di sini, hari ini.

Perlantikan itu merupakan yang pertama bagi jawatan seumpama itu. Ahmad Kamil yang bersara pada 27 Ogos lepas, turut dilantik sebagai pengerusi bersama Pihak Berkuasa Bersama Malaysia Thailand.

Dr Mahathir memuji Ahmad Kamil dan Tan Sri Ahmad Razali yang kini menjadi presiden Perhimpunan Agung PBB, kerana menaikkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

Dr Mahathir berkata Ahmad Kamil telah mencipta nama tersendiri dalam mengendalikan hal ehwal Eropah Timur dan isu Bosnia-Herzegovina serta Croatia dan beliau kini dikenali oleh pemimpin negara-negara di rantau Balkan.

Ahmad Kamil, 59, seorang diplomat yang terkenal dan disegani, berkata beliau akan mempunyai sebuah pejabat di Wisma Putra dan menerima tugasannya daripada Jabatan Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada beliau telah diberikan tugas yang tertentu setakat ini, beliau berkata ia masih belum ditentukan.

Mengenai peranan yang akan dimainkan oleh Malaysia di Bosnia-Herzegovina yang mengadakan pilihan raya umum baru-baru ini selepas peperangan empat tahun, Ahmad Kamil berkata keamanan di negara Balkan itu masih rapuh.

"Kami akan terus membantu mereka dalam bidang ekonomi di samping bekerjasama dengan negara-negara lain bagi membantu Bosnia," kata beliau.

Sementara itu Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, perlantikan Ahmad Kamil dibuat kerana beliau masih boleh memberikan sumbangan berharga kepada Malaysia.

Perlantikan itu dibuat kira-kira sebulan lalu iaitu selepas Ahmad Kamil bersara daripada jawatannya sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Luar, katanya.

"Eropah Timur ialah satu kawasan yang mana beliau mempunyai hubungan yang baik," kata Abdullah kepada pemberita selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. -- BERNAMA

TCL MAM PR